

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATO' HJ. ABDUL FATTAH HJ. ABDULLAH

PRESIDEN ANGKASA

DI MAJLIS

**PELANCARAN JARINGAN COOPDIALISIS DAN
PENYERAHAN SISTEM ADVANCED DIALYSIS
NEPHROLOGY APPLICATION NETWORK
(ADNAN)**

18 OGOS 2016

AUDITORIUM ANGKASA

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMULAIKUM W.B.T DAN SALAM 1 KOPERASI

TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI PENGACARA MAJLIS

YBHG. PROF. DR. ZULKIPLI YUSOF, Pengerusi Program
Pengurusan Bencana Banjir mewakili Kementerian
Pendidikan Tinggi

YANG DIHORMATI ENCIK MOHAMMAD AZMI OMARUDIN, Naib
Presiden Angkasa mewakili TN HJ MUTDHO BAHARI
Timbalan Presiden Angkasa merangkap Pengerusi
Peneraju Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan
Kesehatan Angkasa

YANG BERHORMAT DATUK HJ. SAIRIN HJ. KARNO, Timbalan
Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah

YBHG. PROF. DATO' DR. OMAR OSMAN, NAIB CANSELOR
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

YBHG NAIB-NAIB PRESIDEN ANGKASA
PROF. MADYA DATUK HJ. MOHAMAD ALI HASAN
DATO' HJ. KAMARUDIN ISMAIL
DATO' HJ. ALIASAK HJ. AMBIA

BARISAN AHLI JAWATANKUASA SEKTOR PELANCONGAN,
PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN

YANG BERUSAHA TUAN HJ. NASIR KHAN YAHAYA, KETUA
EKSEKUTIF KUMPULAN ANGKASA

PENASIHAT-PENASIHAT KORPORAT

DELEGASI-DELEGASI DARI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
DAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BARISAN PENGURUSAN KANAN ANGKASA

TAN SRI-TAN SRI, DATO-DATO, DATIN-DATIN, PARA
KOPERATOR, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI
SEKALIAN.

1. PERTAMA-TAMANYA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN
SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT
KERANA DENGAN IZIN SERTA LIMPAH KURNIA-NYA, KITA
DAPAT BERSAMA-SAMA PADA PAGI YANG AMAT
BERMAKNA INI.
2. SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA
SEMUA DIF-DIF JEMPUTAN KHUSUSNYA YANG

BERBAHAGIA PROF. DR. ZULKIFLI BIN YUSOP, BARISAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, WAKIL-WAKIL JARINGAN COOP DIALISIS, JARINGAN COOP HOTEL, JARINGAN COOP STAY, JARINGAN COOP SPA DAN JARINGAN COOP FARMASI SERTA SEMUA KOPERATOR YANG DAPAT MELAPANGKAN MASA BERSAMA DENGAN KITA PADA PAGI INI.

3. SAYA MERASA BANGGA **MAJLIS PELANCARAN JARINGAN COOP DIALISIS DAN PENYERAHAN SISTEM ADVANCED DIALYSIS NEPHROLOGY APPLICATION NETWORK ATAU DIKENALI SEBAGAI *SISTEM ADNAN* DAPAT DIREALISASIKAN.** SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN ANGKASA YANG TELAH BEKERJA KERAS MEWUJUDKAN JARINGAN PERKHIDMATAN DAN PERNIAGAAN KOPERASI SERTA PENJENAMAAN COOP HOTEL, COOP STAY, COOP SPA, COOP INSTAC (BAGI PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH), COOP FARMASI DAN KHUSUSNYA COOP DIALISIS.

4. PADA HEMAT SAYA, PROGRAM INI SELARAS DENGAN DASAR KOPERASI NEGARA 2011-2020 YANG TELAH MENGGARISKAN 6 SEKTOR KEBERHASILAN EKONOMI

NEGARA (NKEA) DI MANA SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN YANG MERUPAKAN SALAH SATU SEKTOR YANG MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENYUMBANG KEPADA PENCAPAIAN KDNK NEGARA.

5. SAYA AMAT YAKIN DAN PERCAYA, DENGAN WUJUDNYA JARINGAN – JARINGAN DI BAWAH SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN INI DAPAT MEMPERCEPATKAN LAGI PENCAPAIAN SEKTOR KOPERASI MENYUMBANG RM 50 BILION KEPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR NEGARA MENJELANG 2020.
6. ANGKASA SEBAGAI BADAN PUNCAK GERAKAN KOPERASI YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN MALAYSIA, TELAH DIBERI PERANAN YANG BESAR DI BAWAH DEKLARASI PUTRAJAYA DI MANA SALAH SATU PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG PERLU DILAKSANAKAN ADALAH:

MERANGSANG DAN MEMBANGUNKAN PERNIAGAAN KOPERASI DENGAN MENGENAL PASTI DAN MEMAJUKAN BIDANG PERNIAGAAN BARU, MEMBANGUN DAN MEMPERKUKUHKAN PERNIAGAAN SEDIA ADA SERTA MEWUJUDKAN JARINGAN DI PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA.

SEJAJAR DENGAN ITU, SAYA SEBAGAI PRESIDEN BERSAMA KEPIMPINAN SERTA PENGURUSAN TERTINGGI ANGKASA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB SERTA AMANAH YANG BESAR BAGI MEMASTIKAN INSPIRASI DAN HARAPAN KERAJAAN INI DAPAT DIREALISASIKAN DENGAN JAYANYA.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN.

7. SAYA TELAH DIMAKLUMKAN OLEH PENGURUSAN SEKTOR INI, BAHAWA SETAKAT BULAN JULAI 2016 JUMLAH PEROLEHAN JARINGAN COOPDIALISIS TELAH MENCAPAI RM 8,570,200.00. DENGAN PETUNJUK PENCAPAIAN INI, SAYA JUGA AMAT YAKIN DAN PERCAYA DI PENGHUJUNG TAHUN 2020, JUMLAH PEROLEHAN JARINGAN COOP DIALISIS BOLEH MENCAPAI LEBIH DARIPADA RM 100 JUTA.

8. PENJENAMAAN MERUPAKAN SATU STRATEGI YANG PALING BERKESAN DALAM MENGHADAPI PERSAINGAN YANG SEMAKIN MENINGKAT. KAJIAN MENUNJUKKAN MELALUI PENJENAMAAN, PEROLEHAN DAPAT

DITINGKATKAN SEBANYAK 50% MALAHAN BOLEH MENINGKAT SEHINGGA 200% ATAU 300%. INI MEMBUKTIKAN BAHAWA PENJENAMAAN MEMPUNYAI PENGARUH YANG BEGITU TINGGI DAN BESAR SEKALI TERHADAP SESUATU PERKHIDMATAN ATAUPUN PRODUK.

9. SAYA BERHARAP MELALUI PENJENAMAAN COOPHOTEL, COOPSTAY, COOPSPA, COOPISTAC, COOPFARMASI DAN KHUSUSNYA COOPDIALISIS INI DAPAT MEMBERI IMPAK YANG BESAR KEPADA SUMBANGAN GERAKAN KOPERASI SELAIN DARI MENINGKATKAN TARAF HIDUP YANG AKHIRNYA DAPAT MENSEJAHTERAKAN MASYARAKAT NEGARA KITA MELALUI KOPERASI.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN

10. SUMBER DARI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA PADA AWAL TAHUN INI, MENDEDAHKAN BAHAWA HOSPITAL– HOSPITAL KERAJAAN HANYA MAMPU MENAMPUNG PESAKIT–PESAKIT BUAH PINGGANG INI HANYA SEKITAR 8,000 PESAKIT SAHAJA BERBANDING

JUMLAH KESELURUHAN SEBANYAK 35, 580 PESAKIT.

11. OLEH YANG DEMIKIAN, ANGKASA TELAH MENGAMBIL INISIATIF MENUBUHKAN PUSAT MYANGKASA DIALISIS YANG PERTAMA DI TEMERLOH, PAHANG PADA TAHUN 2010 DAN MULA MENJALANKAN OPERASINYA PADA DISEMBER 2012 SEBAGAI MODEL PUSAT DIALISIS KEPADA GERAKAN KOPERASI.
12. PUSAT DIALISIS MYANGKASA TERSEBUT MEMPUNYAI 9 BUAH MESIN DAN BERKEMAMPUAN MEMBERIKAN RAWATAN KEPADA 24 ORANG PESAKIT PADA SETIAP MASA.
13. SEHINGGA KINI MYANGKASA DIALISIS TELAHPUN MEMBERIKAN RAWATAN KEPADA 60 ORANG PESAKIT DI SEKITAR DAERAH TEMERLOH YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI GOLONGAN MASYARAKAT DAN BANGSA.
14. SAYA BERPENDAPAT JARINGAN COOPDIALISIS INI PERLU DIPERLUASKAN KE SELURUH NEGARA TERMASUK DI SABAH DAN SARAWAK BERSAMA-SAMA DENGAN PERSATUAN PENGUSAHA HEMODIALISIS BUMIPUTERA MALAYSIA, BADAN-BADAN NGO DAN

SELAINNYA KERANA TERDAPAT PENGUSAHA-
PENGUSAHA PUSAT DIALISIS PERSENDIRIAN DAN
SWASTA YANG TIDAK DAPAT MENERUSKAN OPERASI
KERANA MENGALAMI MASALAH KEWANGAN DAN
PERSAINGAN PUSAT DIALISIS YANG BERSKALA BESAR.

15. INILAH JUGA ANTARA PERANAN JARINGAN
COOPDIALISIS YANG BERTINDAK SEBAGAI PENYELAMAT
YANG BOLEH MENGAMBIL ALIH PUSAT-PUSAT DIALISIS
PERSENDIRIAN ATAU SWASTA YANG BERSKALA KECIL
INI DARIPADA BERHENTI ATAU MENUTUP OPERASINYA.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN

16. DENGAN ADANYA SISTEM **ADNAN** INI, DIHARAPKAN
MASALAH YANG DIHADAPI PUSAT-PUSAT DIALISIS YANG
DIMILIKI OLEH GERAKAN KOPERASI DAPAT DI ATASI.
17. DATA-DATA PESAKIT DAPAT DISIMPAN DENGAN MUDAH
DAN SENANG DIAKSES DI MANA-MANA WALAUPUN
BERLAKU BENCANA BESAR SEPERTI BANJIR DAN
SEBAGAINYA MALAHAN PEMANTAUAN PESAKIT DAPAT
DILAKUKAN DENGAN MUDAH DAN CEPAT.

18. BEGITU JUGA DIHARAPKAN MASALAH TUNGGAKAN TUNTUTAN KEWANGAN DARIPADA PIHAK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) DAN SELAINNYA BUKAN LAGI MENJADI BEBAN.

19. KEWUJUDAN **SISTEM ADNAN** INI PERLU KITA HARGAI KERANA INI AKAN MENINGKATKAN IMEJ DAN REPUTASI KOPERASI YANG SEBELUM INI AGAK KETINGGALAN. DENGAN ADANYA **SISTEM ADNAN** INI, KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT TERHADAP SEKTOR KOPERASI DAPAT DIPERTINGKATKAN. ANGKASA AKAN TERUS BEKERJASAMA DENGAN KEMENTERIA KESIHATAN MALAYSIA KHUSUSNYA DALAM HAL-EHWAL BERKAITAN INDUSTRI DIALISIS INI.

19. KERJASAMA STRATEGIK ANTARA ANGKASA, JARINGAN COOPDIALISIS DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (UTM, USM DAN SELAINNYA) AKAN DITERUSKAN. **SEKIRANYA HAK EKSKLUSIF SISTEM ADNAN INI DIBERIKAN SEPENUHNYA KEPADA ANGKASA,** INSHALLAH AKAN DIPANJANGKAN KEPADA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) BAGI MEMOHON PERUNTUKAN DARI KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI (KWAPb).

20. PERUNTUKAN INI, AKAN KITA PERUNTUKAN PULA KEPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (UTM DAN USM) BAGI MENJALANKAN PENYELIDIKAN BERKAITAN HAL-EHWAL SEKTOR KESIHATAN, PERUBATAN, FARMASI ATAU BERKAITAN DENGANNYA.

21. DOA DAN HARAPAN SAYA SEMOGA SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN YANG DITERAJUI OLEH YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI MUTADHO BAHRI MERANGKAP PRESIDEN ANGKASA INI TERUS CEMERLANG DALAM MENCAPAI MATLAMAT PENUBUHANNYA.

22. SEKALI LAGI SETINGGI PENGHARGAAN DIUCAPKAN KEPADA AHLI-AHLI JAWATANKUASA, PIHAK PENGURUSAN DAN SELURUH WARGA SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN ATAS KOMITMEN YANG DIBERIKAN. TERIMA KASIH JUGA KEPADA WAKIL-WAKIL KOPERASI YANG TURUT HADIR DI MAJLIS PELANCARAN INI.

23. AKHIR KATA, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMA NIR RAHIM, **SAYA MERASMIKAN PELANCARAN JARINGAN**

**COOPDIALISIS DAN PENYERAHAN SISTEM ADVANCED
DIALYSIS NEPHROLOGY APPLICATION NETWORK ATAU
SINGKATANNYA *SISTEM ADNAN*.**

24. SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH WASSALAMU
ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH. SEKIAN
TERIMA KASIH.